



11 JUL, 2024

Aktiviti seludup dadah terbongkar

Utusan Sarawak, Malaysia



Aktiviti seludup dadah terbongkar

• Dadah seberat 60.6 kg, bernilai RM1.90 juta dirampas



TUMPAS... Norizan Yahya bersama pegawai lain menunjukkan bungkusan dadah yang dirampas semasa sesi sidang media di Wisma Kastam, Kuching semalam. • Foto ANDRE OLIVEIRO.

NUR AIN OTSMAN

KUCHING: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sarawak berjaya mematahkan cubaan menyeludup dadah berbahaya jenis methamphetamine seberat 60.6 kilogram (kg) yang dianggarkan bernilai RM1.90 juta di Kuching.

Berdasarkan jumlah berat dadah sebanyak 60.6 kilogram (60,670 gram) yang diperolehi, dianggarkan seramai 303,000 orang dapat diselamatkan daripada aktiviti penyalahgunaan dadah.

Pengarah Kastam Negeri Sarawak, Norizan Yahya berkata pihaknya telah merampas 10 kotak kiriman kargo udara disyaki mengandungi dadah berbahaya dianggarkan bernilai RM1,907,600.00.

"Pada 4 Julai 2024 (Khamis), lebih kurang 3.50 petang, bertindak atas maklumat, sepasukan pegawai Kastam daripada Bahagian Penguatkuasaan dan Cawangan Narkotik Sarawak telah berjaya mematahkan cubaan menyeludup dadah berbahaya jenis methamphetamine sekali gus menahan dua lelaki warganegara tempatan di pekarangan sebuah syarikat kargo dalam sebuah operasi Pasukan Petugas Bersama Narkotik yang bermula sejak 1 Julai lalu.

"Suspek yang ditahan didapati mempunyai dalam kavalannya 10 kotak bersaiz besar yang disimpan di dalam sebuah lori bonded," katanya pada sidang media di Kuching, semalam.

Katanya, pemeriksaan awal ke atas 10 kotak berkenaan membawa kepada penemuan 60 paket bercetak 'Guan Yi Wang' berwarna keemasan, yang mana di dalamnya mengandungi ketulan kristal.

"Pihak Kastam mendapati setiap plastik lutsinar telah dipoles secara vakum, tertera tulisan '222 dan AAA'.

"Hasil ujian yang dilakukan ke atas kristal tersebut mendapati ia positif dadah jenis methamphetamine atau syabu. Kesemua 60 paket ketulan kristal berkenaan mempunyai berat kasar 60,670 gram manakala nilainya dianggarkan sejumlah RM1,907,600.00," katanya.

Dalam pada itu, sebuah lori yang digunakan bagi melakukan jenayah tersebut turut disita. Barang kes serta sebuah lori yang digunakan untuk mengangkat barangan tersebut telah disita di bawah Seksyen 30(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 bagi tujuan siasatan lanjut.

Pada 7 Julai lalu, dua suspek berusia sekitar 20-an telah dihadapkan ke Mahkamah Majistret Kuching bagi mendapatkan perintah reman di bawah Seksyen 31B(1) Akta sama.

Mahkamah telah mengeluarkan perintah reman selama empat hari bagi membantu siasatan dan perintah lanjutan reman akan dipohon berdasarkan keperluan.

"Siasatan lanjut masih dijalankan bagi mengenal pasti rangkaian sindiket yang terlibat dalam kes tersebut.

"Dengan jumlah berat yang agak signifikan, maka kita tidak menolak kemungkinan ramai individu yang terlibat.

"Pegawai penyiasat sedang mendalami beberapa aspek dan kita optimis kes ini akan dapat dirungkai dengan sedikit masa lagi. Kes ini merupakan tangkapan terbesar JKDM Sarawak pada 2024 mengatasi kes tangkapan pada Jun di Miri," katanya.

Modus operandi yang digunakan ialah dengan menggunakan perkhidmatan penghantaran kargo udara antara wilayah, iaitu dari Kuala Lumpur ke Kuching dengan membuat pengiklanan tidak benar pada Borang Kastam No.3, iaitu menyembunyikan bahan narkotik bersama dengan barangan isi rumah (household) yang mana bagi mengelakkan dengan mudah dikesan oleh pihak berkuasa.

Kes disiasat di bawah Seksyen 39B(1) Akta Dadah Berbahaya 1952, yang mana jika sabit kesalahan boleh dihukum gantung sampai mati atau penjara seumur hidup dan akan dijatuhkan hukuman sebat tidak kurang dari 15 sebatan sekiranya tidak dijatuhkan hukuman mati.

"Sehubungan itu, orang ramai digesa membantu pihak JKDM memerangi jenayah penyeludupan khususnya rokok, minuman keras, mercun, dadah, kenderaan dan lain-lain serta dinasihatkan tidak membabitkan diri dengan aktiviti tersebut.

"Penyeludupan bukan sahaja merugikan negara dari segi ketirisan hasil, malah ia turut menda-

tangkan ancaman keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat," katanya.

Justeru, JKDM Sarawak menggesa orang awam untuk memberi kerjasama dengan menyalurkan maklumat berkaitan sebarang

aktiviti penyeludupan dengan menghubungi Talian Bebas Tol Kastam 1-800-88-8855 atau Pejabat Kastam yang terdekat di semua negeri. Pihak JKDM juga memberi jaminan bahawa identiti pemberi maklumat dirahsiakan.



11 JUL, 2024

Aktiviti seludup dadah terbongkar

Utusan Sarawak, Malaysia



SUMMARIES

Dadah seberat 60.6 Kg, bernilai RM1.90 iuta dirampas

fsmT^tM. W.L' ' T? : -ts\$ k"AmTUMPAS... Norizan Yahya bersama pegawai lain menunjukkan bungkusan dadah yang dirampas semasa sesi sidang media di Wisma Kastam, Kuching semalam. • Foto ANDRE OLIVEIRO.

NUR AIN OTSMAN KUCHING: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sarawak berjaya mematahkan cubaan menyeludup dadah berbahaya jenis methamphetamine seberat 60.6 kilogram (kg) yang dianggarkan bernilai RM1.90 juta di Kuching. Berdasarkan jumlah berat . dadah sebanyak 60.